



JABATAN PERTANIAN

Department of Agriculture

Unit Komunikasi Korporat

Aras 14 & 17, Blok 4G2, Wisma Tani

No. 30 Persiaran Perdana, Presint 4

62624 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Telefon : 603-8870 3050/3038

Faks : 603-8870 3044

E-mel : pro@doa.gov.my

Portal Rasmi : www.doa.gov.my

SIARAN MEDIA

JABATAN PERTANIAN PERKUKUH INDUSTRI BENIH DAN BAHAN TANAMAN, PACU KEDAULATAN AGROMAKANAN NEGARA

SERDANG, 3 September 2026 – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan melalui Jabatan Pertanian terus memperkukuh industri benih tanaman negara melalui melalui pengukuhan kawal selia, pembangunan kapasiti pengeluar serta sokongan penyelidikan dan pembiakbakaan bagi mengurangkan kebergantungan terhadap sumber import dan seterusnya memperkukuh keterjaminan makanan negara.

Usaha ini merupakan antara fokus utama Program Pemerkasaan Industri Benih Tanaman Negara sempena MAHA 2026 yang dirasmikan oleh YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan di Dewan A, MAEPS. Turut diadakan pelancaran Buku Manual Skim Pengesahan Bahan Tanaman (SPBT): Biji Benih Tanaman. Penerbitan manual ini menjadi rujukan teknikal dalam memastikan keperluan pengesahan kualiti biji benih dilaksanakan secara seragam sebelum dipasarkan

Menurut YB Datuk Seri Hj. Mohamad bin Sabu, pencapaian industri bahan tanaman melalui SPBT membuktikan bahawa kapasiti tempatan mampu dibangunkan secara sistematik dan berkualiti, sekali gus menjadi asas untuk memperkukuh industri biji benih negara. “SPBT telah membuktikan keupayaan industri bahan tanaman tempatan dalam menyediakan bahan tanaman yang tulen dan berkualiti. Kini, pengalaman dan kejayaan ini perlu diterjemahkan kepada usaha memperkukuh industri biji benih supaya Malaysia mempunyai kapasiti sendiri untuk memenuhi keperluan petani dan negara,” katanya

Sejak diperkenalkan pada tahun 2010, SPBT telah melibatkan 382 pengusaha nurseri merangkumi 98 varieti tanaman terpilih, dengan pengesahan sebanyak 138 juta pokok induk bagi tempoh 2010 hingga 2026 dan 125 juta bahan tanaman bagi tempoh 2016 hingga 2026. Pencapaian ini mencerminkan keyakinan industri terhadap mekanisme pengesahan yang dilaksanakan Jabatan Pertanian.

Pada masa sama, industri biji benih negara masih berdepan cabaran kebergantungan kepada sumber import, dengan hampir 90 peratus keperluan biji benih sayur-sayuran negara masih diimport. Keadaan ini boleh mendedahkan sektor

tanaman kepada risiko gangguan rantai bekalan, perubahan geopolitik serta peningkatan kos input pertanian.

“Kita tidak boleh bergantung kepada kawal selia semata-mata. Industri perlu diberikan ruang, sokongan dan pembiayaan untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran, mengadaptasi teknologi serta menghasilkan varieti baharu yang lebih berdaya hasil dan berdaya tahan terhadap perubahan iklim serta serangan perosak,” jelas beliau.

Kerajaan turut memperuntukkan RM5 juta di bawah RMKe-13 melalui Program Pemerkasaan Benih Tulen dan Berkualiti. Daripada jumlah tersebut, RM2 juta diperuntukkan untuk Geran Padanan Pembangunan Benih Tanaman Tulen dan Berkualiti yang menyasarkan sekurang-kurangnya 40 penerima manfaat dalam kalangan pengeluar benih tempatan, selain Geran Padanan Pembiakbakaan Tanaman Inklusif bagi menyokong pembangunan varieti baharu.

Dari aspek perundangan, KPKM juga berada pada fasa akhir penggubalan Rang Undang-Undang Kualiti Benih Tanaman (RUU KBT) bagi memperkukuh kawal selia dan standard kualiti industri benih negara.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pembangunan Industri dan Pengembangan), Tuan Haji Johari Abdullah berkata, benih merupakan antara input asas yang menentukan potensi pengeluaran tanaman. Justeru, kerjasama erat antara Kerajaan, penyelidik, pembiak baka, pemain industri dan petani amat penting bagi memastikan industri benih negara terus berkembang secara tersusun, berkualiti dan berdaya saing,” jelas beliau lagi.

Jabatan Pertanian akan terus memainkan peranan sebagai pemudah cara dan rakan strategik bagi membangunkan ekosistem bahan tanaman dan benih yang lebih kukuh, berdaya tahan dan berdaya saing bagi memenuhi keperluan domestik dan meneroka peluang pasaran serantau.

###

JABATAN PERTANIAN

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)